

**Malaysia tidak terkecuali
Utusan Online
Januari 12, 2012**

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Industri perbankan global dijangka menukar keseluruhan struktur dan model perniagaan mereka pada tahun ini untuk kekal 'bernafas', kata KPMG.

KPMG dalam kenyataannya di sini, kadar pulangan ke atas ekuiti (ROE) musnah dengan realiti pasaran semasa dengan jangkaan bank-bank melakukan perubahan radikal kerana terdesak mencipta nilai kepada pemegang saham mereka.

KPMG berkata, model perbankan menjadi mudah dan rantau Asia akan menjadi agenda perbankan global.

Perubahan juga dijangkakan di Malaysia dengan pelaksanaan Basel III pada tahun depan, bank-bank akan membuat perubahan drastik bagi mendepani transformasi.

Bank-bank juga diperlukan mengira dan melaporkan kedudukan modal dan kecairan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) berdasarkan laporan standard yang akan dikeluarkan pada suku pertama ini.

Pengarah Eksekutif Perkhidmatan, Nasihat, Perkhidmatan Pengurusan Risiko Kewangan KPMG Malaysia, Anita Menon berkata, perdebatan tentang peraturan dan pembangunan polisi sejak tiga tahun lalu mula menunjukkan perubahan.

"Tahun 2012 merupakan tahun pelaksanaan dan potensi cabaran serta tempoh yang panjang berada di hadapan.

"Kita akan menyaksikan gelombang perubahan peraturan baharu, walaupun gelombang pertama memberi penekanan terhadap modal, gelombang kedua memaksa eksekutif-eksekutif kanan di bank-bank untuk memikirkan semula model perniagaan dan operasi.

"Cabaran utama yang bakal dihadapi oleh industri perbankan adalah kecairan dan modal, dengan bank-bank telah diminta tambahan modal, fokus berterusan terhadap pegangan pendapatan tinggi (berbanding membayar bonus dan dividen), pengurangan kos dan sebagainya," katanya.

Tambah Menon, dengan perubahan dalam modal bukan merupakan masalah kepada bank di Asia dan Malaysia, tetapi Basel III menuntut perubahan kecairan bakal menjadi cabaran.

"Di Malaysia, pihak bank akan memberi fokus dalam menyediakan dan mengekalkan sasaran modal, strategi pembiayaan atau strategi meminimumkan kesan terhadap paras modal mengikut pelaksanaan Basel III.

"Polisi pegangan pendapatan berhati-hati dijangka bagi bank-bank Malaysia pada waktu pelaksanaannya nanti," jelasnya.

Di Malaysia, dengan mengambil pendekatan mengikut pakej perubahan fokus berlebihan terhadap Basel III akan menyekat pertumbuhan ekonomi.

Terutama dalam pendekatan meletakkan keperluan serapan kerugian tambahan untuk institusi perbankan diperkenalkan.

Ia akan menjadikan cabaran untuk menjadikan pelaksanaan perubahan peraturan berbanding mencapai pertumbuhan yang diperlukan negara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm